



Orang ramai dipelawa ke Program Teh Hijau KL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjemput orang ramai khususnya warga kota menghadiri program Teh Hijau Kuala Lumpur di perkarangan Stadium Bola Sepak, Kuala Lumpur pada 17 Februari ini.

Bertemakan 'Dari DBKL Untuk Komuniti', acara itu merupakan program *touch point* bersama komuniti yang juga merupakan program tahunan DBKL sepanjang 2024 bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada warga kota.

Menariknya, acara yang akan bermula seawal pukul 9 pagi hingga 5 petang ini akan menampilkan pelbagai aktiviti dan pengisian program menarik

antaranya Jualan Rahmah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), aktiviti kanak-kanak selain turut mempamerkan reruai 25 jabatan di bawah DBKL.

Terdahulu, Program Teh Hijau Kuala Lumpur yang berkonsepkan hijau rendah karbon ini akan diadakan pada hari Sabtu setiap bulan mengikut tarikh-tarikh yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Untuk rekod, program ini adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur baru-baru ini yang berjaya mencatat rekod kehadiran lebih 3,000 warga kota. **WK**